

Promosi Tukaran Wang

Dikemaskinikan pada 7 September 2017

Tempoh Promosi

Promosi Tukaran Wang (“Promosi”) oleh Hong Leong Bank (97141-X) (“HLB”) bermula pada 1 September 2017 sehingga 30 Jun 2018, termasuk kedua-dua tarikh ini (“Tempoh Promosi”), melainkan dinyatakan sebaliknya.

Terma dan Syarat (“T&Cs”)

Berikut ialah terma dan syarat yang berkaitan dengan Promosi ini:

1. Definisi

- 1.1 “BDCs” ialah Kaunter Pengurusan Wang di klia2 dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

2. Kelayakan dan Penyertaan

- 2.1 Promosi ini terbuka kepada semua individu.
- 2.2 Penyertaan dalam Promosi ini adalah tertakluk kepada Terma & Syarat yang telah dinyatakan di sini.

3. Mekanisma Promosi

- 3.1 Pelanggan yang memiliki Kad Tukaran Wang, Debit atau Credit HLB (“Pelanggan HLB”) adalah layak secara automatik untuk menyertai Promosi ini di BDCs.
- 3.2 Pelanggan HLB akan menikmati diskaun bagi kadar tukaran mata wang Dolar Amerika Syarikat (USD), Thai Baht (THB), Rupiah (IDR), Renminbi (CNY), Dolar Singapura (SGD) dan Dolar Taiwan (TWD) bagi jumlah belian minimum sejumlah Lima Ratus Ringgit (RM500). Diskaun ini adalah untuk tukaran wang daripada mata wang Ringgit Malaysia (RM) kepada mana-mana enam (6) mata wang yang dinyatakan di sini.

4. Terma dan Syarat Umum Promosi

- 4.1 Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan HLB bersetuju:
- (i) bahawa mereka telah membaca dan memahami Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan bersetuju dengan Terma dan Syarat ini dan mana-mana Terma dan Syarat lain yang berkaitan yang digariskan oleh HLB dari semasa ke semasa;
 - (ii) bahawa sebarang keputusan HLB berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan sebarang surat-menjurut dan/atau rayuan tidak akan dilayan;
 - (iii) untuk melayari laman sesawang HLB di www.hlb.com.my (“Laman Sesawang HLB”) dari semasa ke semasa bagi mengimbas Terma dan Syarat dan peka akan perubahan pada Terma dan Syarat; dan
 - (iv) sebarang cukai, kadar, caj kerajaan atau apa-apa caj lain yang berkaitan dengan Promosi ini adalah di bawah tanggungjawab Pelanggan.

- 4.2 HLB berhak untuk:
 - (i) menambah, mengeluarkan, menggantung atau mengubah Terma & Syarat ini, secara menyeluruh atau sebahagian daripadanya dengan cara meletakkannya di laman sesawang HLB, atau dalam apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh HLB; dan
 - (ii) mengubah Tempoh Promosi atau menggantung dan/atau membatalkan Promosi ini tanpa sebarang sebab, dengan memberikan notis awal kepada Pelanggan HLB.
- 4.3 Jikalau terdapat percanggahan pada Terma & Syarat di mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan mana-mana bahan lain yang berkaitan dengan Promosi ini, Terma & Syarat yang terbaru di laman sesawang HLB akan diguna pakai.
- 4.4 Terma dan Syarat ini ditadbir selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan HLB bersetuju akan bidang kuasa Mahkamah Malaysia dalam mengendalikan sebarang permasalahan yang berkaitan dengan Promosi ini.